



**KENYATAAN AKHBAR  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA DAN  
PENCEGAHANNYA**

Pemantauan KKM menunjukkan bahawa tren kes denggi terus meningkat setiap minggu sejak enam minggu kebelakangan ini, iaitu bermula pada pertengahan bulan Mei 2015. Pada minggu lepas iaitu bagi tempoh 21 hingga 27 Jun 2015, sebanyak 2,710 kes telah dilaporkan iaitu terus menunjukkan peningkatan 15% berbanding dengan minggu sebelumnya (2,348 kes). Bagi tempoh Januari hingga 27 Jun, sejumlah 56,533 kes Denggi dilaporkan berbanding dengan 42,229 kes bagi tempoh yang sama tahun 2014, peningkatan sebanyak 34% (14,304 kes). Manakala sebanyak 162 kematian dilaporkan berbanding 82 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2014, meningkat sebanyak 98% atau 80 kematian.

Hasil pemeriksaan premis dari Januari hingga Jun 2015, didapati sebanyak 35,094 premis adalah positif pembiakan Aedes. Daripada jumlah ini, sebanyak 19,355 atau 55% pembiakan dijumpai rumah kediaman, diikuti dengan tanah lot kosong sebanyak 7,667 atau 22% kawasan yang mempunyai pembiakan. Bekas yang banyak dijumpai pembiakan samada ada di luar atau di dalam rumah ialah kontainer plastik untuk makanan, bekas polisterin, pasu bunga dan alasnya, baldi dan tong tong air. Selain daripada itu terdapat 1,131 atau 3% tempat pembuangan sampah dan sebanyak 645 tapak binaan (2%) yang masih positif pembiakan Aedes. Secara

keseluruhnya ke empat empat kawasan ini telah menyumbang kepada 81% daripada punca pembiakan yang dijumpai pada tahun ini.

Situasi denggi pada masa ini amat membimbangkan kerana pada tahun 2014, Malaysia mengalami peningkatan wabak yang serius pada Julai hingga September. Jika tindakan pencegahan tidak dilakukan dengan segera, gelombang wabak besar ini dipastikan akan berulang lagi pada tahun ini.

Individu dan pemilik kediaman perlu mengambil tindakan segera iaitu dengan:

- 1) Membersihkan persekitaran samada di luar dan di dalam rumah serta dibahagian belakang rumah mereka setiap minggu. Dengan memberi keutamaan membuang bekas yang menakung air.
- 2) Individu dan masyarakat di seru untuk tidak membuang sampah merata-rata dan berhemah semasa membuang sampah.
- 3) Melindungi diri dari gigitan nyamuk dengan mengguna repelen, menggunakan baju berlengan panjang atau seluar panjang.
- 4) Menyembur racun serangga aerosol di dalam rumah terutama di belakang langsir, bawah meja dan tempat gelap tersembunyi pada waktu 5-7 pagi dan 5-7 petang.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**29 JUN 2015**